

KUTKM sasar pelajar bekerja kurang 6 bulan selepas tamat

Archival News | Utusan Malaysia | 08/01/2007

MELAKA 7 Jan. - Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) menyasarkan graduannya akan mendapat pekerjaan kurang enam bulan selepas tamat pengajian.

Pengerusi Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Dr. Mohd. Saleh Sulong berkata, sasaran tersebut telah ditetapkan dalam pelan strategik 2006-2010 yang digariskan oleh pihak kolej universiti berkenaan, baru-baru ini.

"Untuk mencapai sasaran berkenaan, KUTKM sebagai sebuah kolej universiti berteraskan aplikasi teknikal, harus memastikan sukatan pelajaran dan kurikulum akademiknya mengutamakan program menurut keperluan industri.

"Pakar-pakar industri juga perlu dilantik untuk memberi kuliah serta berkongsi pengalaman mereka dengan pelajar," kata beliau pada majlis Pelancaran Alumni KUTKM di sini, malam tadi.

Seramai 250 orang bekas pelajar KUTKM hadir dalam majlis berkenaan.

Sementara itu, beliau turut mengingatkan pelajar KUTKM bahawa imej kolej universiti berkenaan, bergantung kepada prestasi mereka dalam bidang pekerjaan.

Kata Mohd. Saleh, lazimnya, kaedah yang diguna pakai untuk mengukur kualiti pelajar sesebuah universiti ialah penerimaan pasaran kerja terhadap graduan-graduan mereka.

Justeru kata beliau, Bahagian Hal Ehwal Pelajar juga perlu sentiasa berhubung dengan bekas pelajar bagi mendapatkan maklum balas sama ada mereka menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan.

"Tempoh graduan mendapat pekerjaan perlu berpadanan dengan kelulusannya, jika terlalu lewat, sedangkan permintaan terhadap bidang mereka tinggi, maka di pihak KUTKM perlu membuat analisis apakah sukatan pelajaran yang diajar sesuai dengan kehendak pasaran," katanya.

KUTKM ditubuhkan pada 1 Disember 2000 dan telah melahirkan seramai 1,468 graduan menerusi dua konvokesyen sebelum ini.

Seramai 1,400 graduan lagi, dijangka akan menerima diploma dan ijazah mereka dalam konvokesyen ketiga yang dijadualkan Ogos ini.

(Source : Utusan Malaysia)